

01 AUG 1996

Dewan-Dana

SEBANYAK 38,494 ORANG MELABUR DALAM DANA JOHOR

JOHOR BAHRU, 1 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 38,494 orang telah melabur dalam Dana Johor sehingga Mei tahun ini membabitkan 448,832,900 juta unit saham, kata Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

Beliau berkata daripada jumlah itu sebanyak 12,533 orang adalah pelabur Bumiputera dengan jumlah pegangan sebanyak 250,609,400 juta unit saham manakala pelabur bukan Bumiputera 25,961 dengan pegangan 198,223,500 juta unit saham.

Terdapat dua bentuk pelaburan yang dijalankan oleh Dana Johor iaitu pelaburan di pasaran saham dan pelaburan di pasaran wang, katanya menjawab soalan Ahmad Omar (BN-Bukit Serampang) pada persidangan Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

Abdul Ghani berkata di pasaran saham Dana Johor melabur di Bursa Saham Kuala Lumpur yang melibatkan sektor-sektor seperti pertanian, hartanah, utiliti, bahan binaan, perkayuan dan pengangkutan.

Dana Johor telah dilancarkan pada 19 April 1995 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, Dana Johor merupakan satu bentuk pelaburan yang memberi peluang kepada masyarakat untuk menyertai skim yang memberi peluang sewajarnya dengan risiko pelaburan yang minimum pada jangka panjang.

Menjawab soalan Chong Ah Owon (BN-Paloh), Abdul Ghani berkata Perbadanan Johor telah membangunkan kawasan perindustrian Kluang 1 dengan keluasan 51.8 hektar yang 39.63 hektar daripadanya telah dijual.

Sehingga akhir Mei tahun ini, terdapat 22 unit kilang yang telah beroperasi, dua kilang sedang dalam pembinaan dan lima unit akan dibina tidak lama lagi.

Katanya, Perbadanan Johor tidak bercadang untuk memajukan tapak perindustrian di sepanjang Jalan Kluang-Paloh atau di sepanjang Jalan Kluang-Niyor seperti yang dicadangkan.

Bagaimanapun, menurutnya perbadanan sedang memajukan kawasan perindustrian Mengkibol seluas 72.36 hektar di Jalan Kluang-Batu Pahat dan akan membangunkan kawasan perindustrian di Layang-layang, Kluang seluas 14.16 hektar.

Persidangan disambung hari Isnin. -- BERNAMA

MKO NMO